

**TEKS UCAPAN
YB DATUK DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**MAJLIS ULANG TAHUN K-LINK INTERNATIONAL KALI KE-15
MALAYSIA INTERNATIONAL EXHIBITION & CONVENTION CENTRE
(MIECC)
10 JANUARI 2016 (AHAD)**

Saudara Pengerusi Majlis yang saya hormati.

YANG BERBAHAGIA DATO' DR. DARREN GOH
Group Managing Director, K-link International;

YANG BERBAHAGIA DATO' LAWRENCE YAP;

YANG BERBAHAGIA DATO' DR. HJ. MOHD RADZI SALEH;

YANG BERBAHAGIA DATO' KK KHOR;

PARA PEMEGANG SAHAM K-LINK INTERNATIONAL;

PARA USAHAWAN K-LINK INTERNATIONAL;

RAKAN- RAKAN MEDIA;

DAN PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berada dalam majlis pada petang ini. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YBhg. Dato' Dr. Darren Goh selaku Pengarah Urusan Kumpulan K-link International kerana sudi untuk menjemput saya bagi merasmikan Sambutan Ulang Tahun K-link Kali Ke-15 yang gilang-gemilang ini.

Saya telah dimaklumkan bahawa majlis ini dihadiri oleh hampir 8 ribu orang usahawan yang telah diadakan khusus bagi meraikan kejayaan mereka yang telah mencapai tahap tertinggi dalam perniagaan ini. Sekalung tahniah saya ucapkan.

Saya percaya sebentar lagi kita akan mendengar perkongsian daripada para usahawan yang telah berjaya mencapai pelbagai peringkat dan telah memperoleh kejayaan yang amat dibanggakan melalui perniagaan MLM khususnya di K-link International. Para usahawan cemerlang ini akan berkongsi pengalaman mereka dan sekaligus akan memberi motivasi kepada para hadirin semua. Sesi perkongsian ini telah membuktikan bahawa semua yang terlibat tidak mengira latar belakang, pangkat atau usia mereka boleh mengecapi kejayaan melalui perniagaan bersama K-link. Saya percaya tiada yang mustahil untuk dicapai dan saya mendoakan supaya semua pihak akan berjaya untuk menambah baik kehidupan mereka dan keluarga mereka melalui usaha yang gigih dan berterusan.

Para usahawan dan hadirin yang dihormati sekalian,

Seperti kita semua sedia maklum, Syarikat K-link International adalah merupakan sebuah syarikat yang amat prihatin melalui pelaksanaan pelbagai program kemasyarakatan di Malaysia. Penubuhan K-link Care Center di Gombak, Selangor adalah merupakan salah satu contoh bagi sikap keprihatinan syarikat ini. Sehingga ke hari ini, K-link Care Center telah menerima lebih daripada 20 orang kanak-kanak istimewa. Sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada Pengerusi K-link Care Center, YBhg. Datin Roziyaton Jamaluddin serta sokongan yang padu daripada ahli Lembaga Pengarah K-link. Pihak Kementerian sentiasa menyambut baik usaha dan inisiatif daripada badan-badan korporat di Malaysia melalui pelaksanaan program dan aktiviti CSR seumpama ini.

Para usahawan dan hadirin sekalian,

K-link International adalah merupakan sebuah syarikat yang telah berkembang pesat dan berjaya untuk menembusi pasaran di lebih

daripada 50 buah negara. Saya telah dimaklumkan bahawa pelbagai anugerah dan pengiktirafan telah dirangkul oleh pihak syarikat seperti di Indonesia, India, Vietnam, Kemboja dan beberapa buah negara yang lain.

Pihak Kementerian sentiasa menyambut baik inisiatif bagi mana-mana syarikat berhasrat untuk terus berkembang dengan pesat kerana berpeluang untuk menjana ekonomi negara ke tahap yang lebih baik. Kerajaan Malaysia juga amat komited untuk memberi sokongan yang tidak terhingga kepada syarikat-syarikat MLM di Malaysia yang menjalankan perniagaan berlandaskan kepada prinsip dan amalan perniagaan yang baik dan telus tanpa melibatkan sebarang unsur-unsur paksaan dan penipuan. Saya amat berkeyakinan bahawa K-link International adalah sebuah syarikat yang sentiasa telus dan berpegang jitu terhadap prinsip-prinsip tersebut. Sekalung tahniah dan syabas sekali lagi saya ucapkan kepada Ahli-Ahli Lembaga Pengarah serta semua kakitangan syarikat.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

Akhir kata, saya percaya melalui penganjuran majlis pada hari ini akan memberi peluang untuk menjana idea-idea dan pembaharuan serta komitmen jitu bagi menjayakan usaha kita dalam bidang perniagaan bukan hanya di Malaysia khususnya tetapi juga di negara-negara lain amnya.

Sekian, Wabillahhitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.